

**PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DALAM
MEMBANGUNKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI IDEOPOLIS**

oleh

NUR RAFIDAH ASYIKIN BT IDRIS

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

JULAI 2011

847775

rb
f HT169
M2R138
2011

PENGHARGAAN

Dengan nama *Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani* serta selawat ke atas junjungan *Nabi Muhammad s.a.w.* Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka penulisan tesis ini dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Di sini penulis ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Profesor Morshidi Sirat di atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, galakan serta semangat daripada beliau di sepanjang tempoh penghasilan projek ini.

Terima kasih juga kepada ahli kajian Projek *Towards Ideopolis Kuala Lumpur: Capitalising on Higher Education for the Development of Globalising City-Region*, yang telah bersama-sama membantu dalam memberikan maklumat dan soal selidik yang dijalankan.

Ribuan terima kasih juga kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat serta banyak membantu, sentiasa memahami dan sentiasa memberi sokongan semasa sesi temubual kajian ini dijalankan.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan, pelajar kajian lapangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), Universiti Sains Malaysia serta kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Wassalam

DEDIKASI

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t di atas segala kesenangan yang Kau berikan, permudahkanlah urusan ku di dunia dan berilah aku petunjuk untuk menuju ke Akhirat

Khas Buat

Muhamad Azrain B. Shukor

Semoga kebahagiaan dan kesenangan milik kita bersama

Muhammad Adam Muhaimin B. Muhamad Azrain

Jadikan ibu dan ayah sebagai inspirasi hidupmu

Idris B. Saidullah & Hasnah Bt Hj. Abdullah

Terima kasih kerana menjadi ayah dan ibu yang terbaik buatku

Along, Adik Tam & Adik Man

Jadikan ilmu teman sejati dan terus berjuang untuk keluarga, bangsa dan Negara

Shukor B. Mohamed & Rashidah Bt Hussain

Terima Kasih di atas semangat dan sokongan yang diberikan

Allahyarham Hj. Abdullah B. Hj. Abdul Rahman & Hajah Maryam Bt Abas

Moga rohmu dicucuri rahmat dan berada di kalangan orang yang beriman

Sumayyah Aimi Bt Hj. Mohd Najib, Aslinda Bt Osman & Julia Bt Ahmad

Terima kasih kerana menjadi sahabatku

KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Dedikasi	iii
Kandungan	iv-vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Carta	x
Senarai Foto	xi-xii
Senarai Peta	xiii
Senarai Singkatan.....	xiv
Abstrak	xv
Abstract	xvi
BAB 1 - PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang dan Konteks Kajian	5
1.3 Isu dan Persoalan	10
1.4 Objektif Kajian.....	11
1.5 Organisasi Tesis	12
1.6 Kesimpulan.....	14
BAB 2 - SOROTAN KARYA: Wilayah-Bandar, Ideopolis dan Model <i>Triple Helix</i>	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Wilayah-Bandar: Peringkat Nasional dan Global	16
2.3 Aset dan Dinamik Ideopolis	24

2.4 Model “Triple Helix”: Alat untuk Memahami Kerjasama Tiga Pihak	32
2.4.1 Definisi “Triple Helix”	32
2.4.2 Jenis-Jenis “Triple Helix”	33
2.5 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	40
2.6 Kesimpulan	43

BAB 3 - TAHAP-TAHAP DAN KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan	44
3.2 Skop Pengumpulan Data Kajian: Unit untuk Analisis	45
3.3 Strategi Kajian.....	47
3.3.1 Peringkat Kajian Awalan (Peringkat I)	48
3.3.2 Peringkat Sorotan Karya (Peringkat II)	48
3.3.3 Peringkat Pengumpulan Data dan Kajian Kes (Peringkat III)	49
3.4 Responden Kajian	58
3.5 Kajian Rintis	59
3.6 Penggunaan Pakej Komputer Bagi Peringkat Menganalisis Data (Peringkat IV)	60
3.7 Peringkat Rumusan dan Cadangan (Peringkat V)	63
3.8 Kesimpulan	64

BAB 4 – KAWASAN KAJIAN DAN UNIT UNTUK ANALISIS: WILAYAH-BANDAR KUALA LUMPUR DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

4.1 Pengenalan	66
4.2 Kuala Lumpur: Sejarah Awal dan Perkembangan	67

Sebagai Wilayah-bandar	
4.2.1 Kuala Lumpur dan Konurbasinya	71
4.2.2 <i>Greater Kuala Lumpur</i> (Greater KL)	79
4.3 Kerajaan Tempatan di Malaysia dan Kawasan Kajian	81
4.3.1 Definisi dan Konsep Kerajaan Tempatan	81
4.3.2 Fungsi dan Peranan Kerajaan Tempatan	84
4.3.3 Asas Perundangan Kerajaan Tempatan	88
4.4 Fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	91
4.5 Kesimpulan	93
BAB 5 - ANALISIS DATA DAN PENEMUAN KAJIAN	
5.1 Pengenalan	95
5.2 Kaedah Analisis	96
5.3 Profil Responden	96
5.4 Analisis Pemahaman Responden Terhadap Ideopolis	98
5.5 Peranan PBT dalam Membangunkan Kuala Lumpur Sebagai Ideopolis	108
5.5.1 Perletakan IPT Dalam Pembangunan Wilayah	108
5.5.2 Analisis Persepsi PBT terhadap IPT	112
5.6 Analisis Persepsi dan Penilaian PBT Terhadap	122
IPT dan Industri Sebagai Penjana Inovasi dan Pengkomersialan	
5.7 Kesimpulan	127
BAB 6 - RUMUSAN PENEMUAN UTAMA KAJIAN DAN MELIHAT KE HADAPAN	
6.1 Pengenalan dan Konteks Masa Hadapan	129
6.2 Wilayah-Bandar Ilmu	130
6.3 Rumusan dan Penemuan Kajian	134

6.4 Implikasi Kajian	140
6.5 Cadangan Kajian Lanjut	141
6.6 Kesimpulan	142
BIBLIOGRAFI	143

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 2.1	Skala Bandar dan Wilayah-Bandar	22
Jadual 2.2	Technopole mengikut wilayah dan negara	31
Jadual 3.1	Kedudukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	51
Jadual 4.1	Perletakan IPT Mengikut Kawasan PBT di Wilayah-Bandar Kuala Lumpur	76
Jadual 5.1	Senarai Responden Kajian	98
Jadual 5.2	Statistik Permohonan Pelan dan Maklumat Perancangan	109
Jadual 5.3	Penilaian Kemantapan Jalinan Di antara PBT dan IPT, 2006-2010.	113
Jadual 5.4	Penilaian Kemantapan Jalinan Di antara PBT dan Industri, 2006-2010	124
Jadual 6.1	Taman Akademik di KLEC	132

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1.1	Pendekatan Model <i>Triple Helix</i>	7
Rajah 2.1	Elemen-Elemen Pembentukan Ideopolis	25
Rajah 2.2	Konfigurasi 1 <i>Triple Helix</i>	34
Rajah 2.3	Konfigurasi 2 <i>Triple Helix</i>	34
Rajah 2.4	Konfigurasi 3 <i>Triple Helix</i>	35
Rajah 2.5	Model Hubungan Universiti-Bandar Raya yang Mampan	36
Rajah 2.6	Binaan kerangka <i>triple helix</i> yang menggambarkan hubungan di antara sektor swasta, universiti dan komuniti setempat	38
Rajah 2.7	Kerangka Konseptual Kajian	39
Rajah 3.1	Langkah-Langkah Utama dalam Kaedah Saintifik	54
Rajah 4.1	Struktur Pentadbiran Pemerintahan Negara	82
Rajah 4.2	Struktur Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	86
Rajah 6.1	Komponen Pembangunan Nusajaya, Johor	135

SENARAI CARTA

MUKA SURAT

Carta 3.1	Aliran Tahap-Tahap Kajian	46
Carta 3.2	Carta Aliran Keseluruhan Proses Analisis Data Kualitatif	62
Carta 5.1	Pelan Proses untuk Prosedur Kebenaran Merancang Pelan Pendirian Bangunan	111

SENARAI FOTO

MUKA SURAT

Foto 5.1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah nadi pentadbiran dan pembangunan Wilayah Kuala Lumpur. Dalam RMKe-10 ia akan memainkan peranan penting untuk mencapai matlamat <i>Greater Kuala Lumpur</i>	100
Foto 5.2	Bangunan Sultan Abdul Samad adalah mercu tanda Kuala Lumpur sebelum Menara Berkembar Petronas di <i>Kuala Lumpur City Center (KLCC)</i>	101
Foto 5.3	Perpustakaan Kuala Lumpur: Gedung Ilmu untuk Masyarakat Setempat	101
Foto 5.4	Pengangkutan awam dalam dan antara bandar yang efisien seperti KTM Komuter menyumbang kepada pembangunan Ideopolis	102
Foto 5.5	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di Selangor perlu berperanan dalam merealisasikan Ideopolis Kuala Lumpur walaupun skop tugasnya adalah untuk Selangor	105
Foto 5.6	Penyampaian maklumat yang tepat dan betul penting dalam konteks Ideopolis	105
Foto 5.7	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah salah satu institusi penjana dan diseminasi ilmu di kawasan kajian	106
Foto 5.8	German-Malaysia Institute (GMI) berperanan dalam mengeluarkan pekerja berkemahiran teknikal	106
Foto 5.9	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mentadbir konurbasi utama Kuala Lumpur (Petaling Jaya) perlu mewujudkan sinergi dengan Kuala Lumpur	108
Foto 6.1	KLEC yang dirancang di Bandar Enstek, Negeri Sembilan bakal melambangkan perkembangan Malaysia menuju wilayah-bandar berasaskan pengetahuan	131
Foto 6.2	Pembinaan Sekolah Menengah Antarabangsa Kompleks KLIA untuk Komuniti di Bandar Enstek, Negeri Sembilan	132

Foto 6.3	EduCity @ Iskandar, Nusajaya, Johor, merupakan wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan di Selatan Semenanjung Malaysia	133
Foto 6.4	Pembinaan Universiti Perubatan Newcastle, Malaysia, yang bakal menghasilkan modal insan dan intelek	134

SENARAI PETA

MUKA SURAT

Peta 4.1	Kuala Lumpur dan Konurbasinya	72
Peta 4.2	Kedudukan PBT dan IPT di Konurbasi Kuala Lumpur	74

SENARAI SINGKATAN

DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Greater KL	Greater Kuala Lumpur
HEIs	Higher Education Institutions
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
LA	Local Authorities
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
MP Klang	Majlis Perbandaran Klang
MP Sepang	Majlis Perbandaran Sepang
MPSJ	Majlis Perbandaran Subang Jaya
OECD	Organisation for Economy Cooperation and Development
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
P&P	Penyelidikan dan Pembangunan
RMKe-4	Rancangan Malaysia Keempat
RMKe-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
S&T	Sains dan Teknologi

PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DALAM MEMBANGUNKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI IDEOPOLIS

ABSTRAK

Ideopolis atau bandar raya intensif pengetahuan merupakan entiti baru bandar dalam era ekonomi dipacu pengetahuan. Ideopolis ini semakin berkembang luas di negara maju. Secara kasar Kuala Lumpur dilihat berpotensi sebagai ideopolis. Tambahan pula, peranan penting *Greater Kuala Lumpur* di peringkat nasional dan antarabangsa telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Wilayah-bandar Kuala Lumpur yang mewakili *Greater Kuala Lumpur* ini sesuai dijadikan titik permulaan ideopolis kerana wilayah-bandar ini dilitupi oleh lambakan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam kawasan pertumbuhan yang turut ditadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam konteks tesis ini, IPT adalah proksi bagi penjanaan dan diseminasi pengetahuan. Bagi mencapai status ideopolis, strategi berkaitan perlu dilaksanakan. Seterusnya, peranan PBT, universiti dan industri yang menjadi elemen utama ideopolis perlu diteliti dan kajian ini menerapkan model *Triple Helix* untuk meneliti aspek ini. Peranan PBT dalam membangunkan Kuala Lumpur sebagai sebuah ideopolis seterusnya diselidiki melalui temubual secara terfokus dan berstruktur. Responden adalah wakil PBT yang berpengetahuan tentang topik penyelidikan. Temubual berkisar persoalan ideopolis serta proses dan mekanisme kolaborasi PBT-IPT-Industri. Kesimpulan utama kajian ialah pemacu ideopolis yang wujud di wilayah-bandar Kuala Lumpur masih di peringkat lemah. Pemacu ini, khususnya PBT, memerlukan anjakan paradigma dalam hubungannya dengan universiti dan industri agar wilayah-bandar Kuala Lumpur boleh diiktiraf sebagai wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan di masa akan datang.

THE ROLE OF LOCAL AUTHORITIES IN DEVELOPING KUALA LUMPUR AS AN IDEOPOLIS

ABSTRACT

Ideopolis or knowledge intensive city is a new urban entity in an economic era driven by knowledge. In the developed countries, ideopolis are ever expanding. Broadly speaking, Kuala Lumpur is perceived as having potentials as an ideopolis. Furthermore, the important role of Greater Kuala Lumpur (Greater KL) at the national and international level was introduced in the Tenth Malaysia Plan, 2011-2015 (RMKe-10). Kuala Lumpur city-region, a proxy for Greater Kuala Lumpur, is appropriate starting point for the development of an ideopolis because this city-region has a high concentration of higher education institutions (HEIs) in an area which is also administered by Local Authorities (LA). In the context of this thesis, HEI is a proxy for the creation and dissemination of knowledge. To achieve a status as an ideopolis, strategies towards this end must be implemented. Subsequently, the roles of the LA, university and industry which are the key elements of an ideopolis need to be examined and this study adopts the Triple Helix model to undertake this task. The role of LA in developing Kuala Lumpur as an ideopolis will then be investigated through focused and structured interviews. Respondents are LA representatives who are knowledgeable about the research topic. The interviews revolve around issues pertaining to process and mechanism for LA-HEI-Industry collaborations. A main conclusion of this study is that existing ideopolis drivers in Kuala Lumpur city-region are still weak. These drivers, in particular the LA, are in need of a paradigm shift in terms of their relationship with university and industry so that Kuala Lumpur city-region can be developed as knowledge city-region in the future.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ekonomi baru, ekonomi global, ekonomi digital, ekonomi pengetahuan dan globalisasi adalah ungkapan baru yang mencerminkan elemen daya saing dan pengaruh utama arah tuju pembangunan negara. Dalam era 'dunia tanpa sempadan' kini (lebih tepat sempadan bentuk lain) akibat proses globalisasi negara-negara yang terangkum dalam ekonomi global menjadi lebih berdaya saing dan berinovatif. Jika tidak negara terbabit akan menjadi 'mangsa' globalisasi. Pengaruh globalisasi khususnya globalisasi aktiviti ekonomi seolah-olah telah memulakan satu rentetan proses memartabatkan semula bandar raya besar dan penonjolan peranan aglomerasi ekonomi di bandar raya melalui penyusunan semula taburan aktiviti ekonomi dalam ruang geografi dan integrasi sistem perhubungan global. Paling menarik, penyebaran aktiviti ekonomi dalam ruang nasional dan global yang dicetuskan oleh proses globalisasi ekonomi ini telah mewujudkan bentuk pemusatan dalam ruang geografi yang baru. Bandar raya, khususnya bandar raya di negara membangun, yang sebelum ini berkembang di bawah naungan kerajaan pusat dan birokrasinya sekarang dipengaruhi oleh ekonomi global dan kuasa luar. Bandar raya ini sekarang terpaksa bersaing dengan bandar raya lain dalam jaringan global bandar raya (Morshidi Sirat, 2002: 2).

Pernyataan Short dan Kim (1999: 11) bahawa globalisasi berlaku di bandar raya dan bandar raya ialah jelmaan proses ini tepat sekali dalam menjelaskan

kedudukan bandar raya dalam era globalisasi seperti yang telah dihuraikan sebelum ini. Peranan bandar dalam era globalisasi boleh dikupas dari tiga perspektif, iaitu dari sudut ekonomi, politik dan budaya. Di negara maju, bandar raya berperanan sebagai pusat operasi yang efisien bagi perniagaan antarabangsa dan telah mencapai status bandar raya 'global' atau 'bertaraf dunia'. Contoh bandar raya global dan bandar raya dunia ialah London, New York, Paris dan Tokyo yang berperanan sebagai pusat utama dunia dalam arena ekonomi, politik dan budaya. Bandar raya lain yang memainkan peranan serantau atau sub global adalah Hong Kong, Singapura dan Sydney (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2004: 1). Di Malaysia pula, bandar raya Kuala Lumpur serta konurbasinya adalah ruang sub nasional yang pesat membangun serta mempunyai kepelbagaian fungsi yang membentuk wilayah-bandar Kuala Lumpur. Pelan Struktur Kuala Lumpur akan menjadi panduan untuk menangani masalah serta menyahut cabaran pembangunan wilayah-bandar Kuala Lumpur dengan lebih sistematik dan menyeluruh. Melalui strategi pembangunan seimbang, iaitu pemodenan Pusat Bandar Raya dan pembangunan yang lebih pantas di pusat-pusat pertumbuhan baru di Kuala Lumpur (Morshidi Sirat dan Suriati Ghazali, 1998: 63-82), wilayah-bandar Kuala Lumpur memainkan peranan penting bukan sahaja dalam ruang nasional malah di ruang global.

Wilayah-bandar merupakan suatu entiti ruangan yang lebih luas daripada bandar serta jelas ciri ekonominya. Di samping itu, wilayah-bandar ditakrifkan juga sebagai ruang tempat tinggal dan wujudnya hubungan ekonomi di antara bandar dengan kawasan sekelilingnya yang merangkumi kawasan bandar kecil, bandar dan kawasan luar bandar (<http://www.cityregion.org/CRmainsite/what-is-a-city-region.html>). Sebagai contoh, *Manchester City-Region* yang merangkumi Cheshire

saling bergantung dengan Merseyside dan Leeds (Thorpe, 2006: 6). Definisi yang sama digunakan untuk wilayah-bandar Kuala Lumpur, yang mana ia mempunyai kesalingbergantungan dengan bandar-bandar di sekitarnya, sepertimana yang akan dijelaskan dalam bab seterusnya. Namun, wilayah-bandar tidak bergantung kepada elemen fizikal yang produktif dan pembangunan infrastruktur semata-mata. Malah ia bergantung juga kepada nilai yang diperolehi daripada ilmu pengetahuan, penyelidikan, inovasi yang seterusnya diadaptasikan untuk penghasilan produk, perkhidmatan dan perniagaan untuk masyarakat.

Dalam konteks huraian sebelum ini dan merujuk kepada Malaysia, Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010 (RMKe-9), dan seterusnya Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 (RMKe-10), telah menggariskan matlamat yang ingin dicapai menjelang 2020 khususnya dari sudut keupayaan pengetahuan dan inovasi negara. Pengetahuan, inovasi dan nilai serta kualiti modal insan negara disifatkan sebagai penentu utama kejayaan masa depan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Pengetahuan yang diadaptasi bagi mencapai kemajuan ekonomi yang berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) akan diperolehi daripada institusi pengajian tinggi (IPT) serta industri yang menjalankan aktiviti Penyelidikan & Pembangunan (P&P). Segala keperluan k-ekonomi ialah berasaskan pergerakan pengetahuan dan IT serta merangkumi segala aspek kemudahan yang baik (Mohd Zukime Hj Mat Junoh, 2004: 40). IPT adalah tonggak utama dalam mewujudkan persekitaran berasaskan pengetahuan di lokasi-lokasi atau kawasan-kawasan tertentu. Hal ini kerana, berdasarkan pengalaman negara maju, IPT berperanan penting dalam menghasilkan pengetahuan serta inovasi dan seterusnya pengkomersilan. Penekanan kepada P&P serta teknologi tinggi memaksa Malaysia mencari keperluan tenaga

mahir dan kepakaran melalui IPT yang diandaikan berupaya mengeluarkan siswazah yang berkualiti. Situasi berkenaan memberikan implikasi yang hebat kepada strategi pembangunan wilayah di Malaysia. Kewujudan Taman Teknologi, Taman Sains, Bandar Raya Pintar serta Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan impak daripada Dasar Sains dan Teknologi yang telah berubah fokus kepada ilmu pengetahuan.

Oleh itu, untuk merealisasikan pertumbuhan kawasan berasaskan pengetahuan ini, pelbagai kemudahan perlu disediakan untuk meningkatkan penjanaan pengetahuan, inovasi dan pengkomersilan. Namun demikian, kejayaan tersebut bukanlah datang daripada satu pihak sahaja. Kejayaan turut melibatkan pihak lain khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta industri. Model *triple helix* menerangkan kesalingberkaitan PBT, IPT dan industri dalam merealisasikan pembangunan bandar, khususnya bandaraya berasaskan pengetahuan atau ideopolis. Oleh yang demikian, peranan PBT, IPT dan industri perlu diteliti agar wilayah-bandar seperti Kuala Lumpur benar-benar boleh dianggap sebagai ideopolis seperti Manchester, Glasgow, Liverpool dan Newcastle. Bandar raya tersebut mempunyai ciri-ciri yang cukup lengkap untuk dianggap sebagai wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan atau ideopolis. Dalam tesis ini dan merujuk peranan PBT dalam pembangunan ideopolis, adakah agensi ini melaksanakan peranan tersebut secara reaktif ataupun proaktif? Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk merungkai kemungkinan wilayah-bandar Kuala Lumpur dibangunkan sebagai ideopolis dari perspektif peranan dan sumbangan PBT.


1.2 Latar Belakang dan Konteks Kajian

Perkembangan sektor perindustrian bermula daripada Revolusi Perindustrian yang telah membolehkan aktiviti yang dahulunya diusahakan dengan menggunakan tenaga manusia, dikendalikan oleh mesin. Mesin itu pula telah menggunakan tenaga yang dihasilkan daripada arang batu, kuasa wap atau kemudiannya kuasa elektrik dan sebagainya. Secara ringkasnya, dari satu segi industrialisasi ialah pemesanan. Tetapi dalam pengertian yang lebih luas industrialisasi juga membabitkan perubahan aspek ekonomi dalam negara dan antarabangsa serta aspek sosial dan kekeluargaan (Qasim Ahmad, 1999: 13-14). Merujuk kepada konteks Malaysia, kemunculan sektor perindustrian begitu bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kepesatan dan pembangunan sektor ini telah menyumbang kepada kepesatan pertumbuhan ekonomi wilayah-bandar Kuala Lumpur (Morshidi Sirat dan Suriati Ghazali, 1998).

Pada awal tahun 1990, transformasi sektor ekonomi Malaysia kepada ekonomi berasaskan pengetahuan menuntut wilayah-bandar Kuala Lumpur mempunyai industri yang bersih, dengan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan kadar penyerapan teknologi baru yang tinggi. Usaha ditumpukan kepada peningkatan infrastruktur dan kemudahan teknologi bagi menggalakkan inovasi dan pembangunan industri. Bioteknologi bersedia menjadi penggerak gelombang industri berasaskan pengetahuan yang berikutnya serta menyumbang kepada pertumbuhan dan penjanaan kekayaan, pelaburan baru dan peluang pekerjaan di samping memberikan manfaat dari segi sosial dan alam sekitar (Malaysia, 2006: 165). Oleh yang demikian, matlamat Malaysia untuk membangunkan sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai langkah untuk mempertingkatkan pertumbuhan

ekonomi dan daya saing berkemungkinan tercapai berdasarkan pertumbuhan wilayah-bandar Kuala Lumpur (Malaysia, 2010: 228). Justeru itu, Malaysia haruslah mengambil langkah yang drastik dalam usaha membentuk modal insan yang intelek, meningkatkan teknologi untuk inovasi dan pengkomersialan, infrastruktur yang bertaraf dunia serta mengambil kira pemacu ideopolis dalam usaha mewujudkan wilayah-bandar intensif pengetahuan.

Berlatar belakang keadaan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian mengambil iktibar pengalaman negara maju dalam memajukan pertumbuhan wilayah-bandarnya melalui peranan proaktif PBT. Laura, Neil, Alexandra dan David (2006) mengisahkan peranan proaktif *Manchester City Council* dalam pembangunan Manchester sebagai sebuah ideopolis. Jika diteliti kes beberapa ideopolis di UK, pemusatan aktiviti yang berkaitan dengan pengetahuan, inovasi dan pemindahan teknologi yang dipacu oleh IPT dan industri disokong oleh PBT. Bolehkah hal atau keadaan yang sama diulangi di Malaysia? Rajah 1.1, memperlihatkan pendekatan *triple helix* bagi menggambarkan peranan ketiga-tiga pihak yang terlibat dalam mendokong pembangunan ideopolis Kuala Lumpur. IPT berkembang dengan pesat sekali khususnya di wilayah-bandar Kuala Lumpur selepas kelulusan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Di wilayah-bandar Kuala Lumpur terdapat empat IPTA, sembilan IPTS yang terpilih serta dua universiti luar negara kampus Malaysia. Kemunculan IPTA dan IPTS dianggap sebagai salah satu pemacu dalam pembangunan ideopolis.



Rajah 1.1: Pendekatan Model *Triple Helix* (Morshidi Sirat et al, 2008)

Nota: Berdasarkan gambarajah di atas perlu ditekankan idea disebalik kajian ini iaitu, PBT, IPT dan industri mendokong IDEOPOLIS (dalam Projek Ideopolis Kuala Lumpur, Kumpulan penyelidik projek induk mengkaji peranan IPT dalam merealisasikan ideopolis KL sementara peranan PBT pula dikaji oleh penulis).

Antara IPT yang terdapat di wilayah-bandar Kuala Lumpur adalah:

- (1) Empat universiti awam iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- (2) Dua universiti luar negara kampus Malaysia iaitu Universiti Monash Malaysia dan Universiti Nottingham Malaysia.
- (3) Sejak lewat tahun 1990-an, berlaku perkembangan pendidikan swasta di Malaysia maka tertubuhnya universiti, kolej universiti dan kolej swasta untuk memenuhi permintaan di Malaysia dan serantau. Antaranya IPTS yang terpilih ialah Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCT), Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), Universiti Pengurusan dan Sains (MSU), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Taylor's University, Universiti Multimedia (MMU), Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech (IUCTT), Sunway Universiti, Kolej INTI dan lain-lain.

Dengan kewujudan IPT yang begitu meluas adalah diharapkan wilayah-bandar Kuala Lumpur akan menghasilkan sumber tenaga mahir yang memiliki daya pengetahuan yang mantap, mampu menguruskan teknologi serta mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang. Justeru itu, IPT juga turut menjadi model dalam mewujudkan pengetahuan dan inovasi di sekitar wilayah-bandar bagi pembentukan, pengeluaran dan penyebaran pengetahuan seterusnya mewujudkan proses pengkomersilan. Merujuk kepada ucapan Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, di Persidangan Kemuncak Inovasi Kebangsaan, beliau menyatakan bahawa:

“Pengetahuan” dan “tahu bagaimana” menjadi pendorong utama pertumbuhan ekonomi. Adalah tidak memadai untuk hanya menjadi pemasang atau pengamal mahir kaedah lama kerana sudah tentu kita akan ketinggalan atau di dahului oleh mereka yang mempunyai buruh yang berkos rendah. Kita perlu bergerak ke tahap yang lebih tinggi. Kita perlu menjadi penjana pengetahuan dan pengamal pakar teknologi yang lebih unggul. Justeru itu adalah penting kita mewujudkan dan menggerakkan agenda inovasi negara ke hadapan” (<http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/myke/F.Section4.pdf>).

Berdasarkan pernyataan tersebut, diandaikan inovasi adalah pemangkin yang akan menentukan acuan dan kepantasan negara menjadi sebuah negara maju. Selaras dengan perkembangan inovasi, proses pengkomersialan perlu dilaksanakan supaya dapat memberikan impak yang positif kepada pembangunan negara. Oleh yang demikian, IPT digalakkan untuk memberi lebih penekanan kepada pendekatan komersil dalam membangunkan teknologi (<http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/myke/F.Section4.pdf>). Bagi memastikan peranan yang efektif bagi IPT dalam semua taman teknologi dan pusat inovasi yang dicadangkan, fokus ialah kepada usaha memupuk kemahiran berkaitan dengan pembangunan semula, pengubahsuaian dan inovasi teknologi. Di samping itu, IPT digalakkan untuk memberi lebih penekanan kepada pendekatan komersial dalam membangunkan teknologi.

Selain daripada IPT, PBT dan industri juga mempunyai perkaitan yang sangat kukuh dan mantap bagi memastikan pertumbuhan ekonomi setempat. Secara umumnya, PBT berfungsi dalam mengawal dan merancang pembangunan tanah, kemudahan dan penyediaan ruang bagi perletakan industri di kawasan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. PBT juga memperolehi sumber kewangan daripada industri yang mana meliputi pendapatan cukai, sewa, lesen, faedah pelaburan dan sebagainya. Justeru itu, perancangan yang strategik dan teliti adalah penting bagi membentuk sebuah wilayah-bandar yang mampan. Industri memerlukan PBT dalam memudahkan aktiviti perindustrian dijalankan dengan sempurna khususnya dari aspek insentif dan kemudahan. Dalam kata lain, IPT, PBT dan industri berperanan dalam menentukan hala tuju Kuala Lumpur sebagai wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan, dan kajian ini akan memberi fokus sepenuhnya

terhadap peranan PBT dalam merealisasikan wilayah-bandar berasaskan pengetahuan di samping peranan yang disumbangkan oleh IPT dan industri.

1.3 Isu dan Persoalan

Pengetahuan dan penggunaan pengetahuan ini merupakan elemen penting dalam mewujudkan wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan. Elemen pengetahuan ini diadaptasikan dalam proses pengeluaran, perolehan, penggunaan serta pengurusan pengetahuan dan seterusnya inovasi juga diperlukan untuk meningkatkan hasil produktiviti sesebuah negara supaya memperolehi kelebihan dalam persaingan. Ini adalah asas kepada kewujudan ideopolis di UK. Manchester City, sebagai contoh, telah menyahut cabaran untuk mewujudkan ideopolis melalui sinergi dalam penajaan dan diseminasi pengetahuan dengan Pihak Berkuasa Tertinggi Manchester, universiti, Pihak Berkuasa Kesihatan, agensi awam dan pelbagai syarikat utama. Sinergi ini telah mewujudkan kekuatan yang dinamik dalam inovasi dan transformasi ekonomi wilayah-bandar (William, Lee, Jones dan Coats, 2006: 5).

Dalam konteks Malaysia sinergi seperti di Manchester adalah suatu tuntutan yang perlu direalisasikan. Berdasarkan pendekatan *triple helix*, ada atau tidak adanya sinergi atau sumbangan, ianya masih boleh dirungkai. Antaranya mengenai sumbangan PBT dalam merealisasikan ideopolis sama ada dari segi kemudahan, insentif, memudahcara dan lain-lain. Jika ada sumbangan, adakah ia berbentuk reaktif atau proaktif? Bagaimana dengan persepsi dan penilaian PBT terhadap masa depan IPT atau pakatan strategik IPT-Industri sebagai penjana inovasi dan

pengkomersialan? Adakah polisi wilayah, polisi sains dan teknologi, polisi pendidikan serta polisi industri dan perusahaan diadaptasikan sepenuhnya dan sejauhmana polisi tersebut berperanan dalam pembangunan wilayah-bandar?

Pendek kata bagaimanakah persekitaran penghasilan pengetahuan, inovasi dan pemindahan teknologi yang menjadi punca penting pertumbuhan wilayah-bandar diwujudkan? Apakah peranan ketiga-tiga pihak yang terlibat? Bagaimana mereka memainkan peranan masing-masing bukan secara sendirian tetapi secara sinergi dan saling berhubungan. Paling penting, banyak kajian telah meneliti peranan IPT dan industri dalam penghasilan inovasi dan pengkomersialan di wilayah-bandar, bagaimana dengan peranan dan sumbangan PBT? Apakah peranan PBT tidak sepenting dan sehebat IPT atau industri? Model *triple helix* memberi gambaran bahawa peranan ketiga-tiga pihak sama penting dan sama hebat untuk memastikan pengetahuan yang dihasilkan di IPT boleh dikomersialkan oleh pihak industri dan PBT memudahkan proses ini dengan insentif, kemudahan dan dasar yang bersesuaian lagi menggalakkan.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan yang telah dijelaskan sebelum ini berikut adalah objektif kajian ini:

- (1) Meneliti bagaimana PBT memudahkan IPT dan industri dalam wilayah-bandar memainkan peranan masing-masing dalam merealisasikan matlamat untuk menjadikan wilayah-bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah ideopolis. Peranan PBT akan diteliti dari sudut penyediaan ruang perletakan bagi IPT

- (1) dan industri, kemudahan yang disediakan untuk IPT dan industri serta dasar pembangunan dan perancangan setempat yang bersifat positif lagi menggalakkan.
- (2) Mengenalpasti proses dan mekanisme jalinan saling hubungan PBT-IPT-industri yang terlibat.
- (3) Menilai tahap kemantapan hubungan IPT-PBT-Industri.

1.5 Organisasi Tesis

Tesis ini mengandungi 6 bab. Bab 1 merupakan pendahuluan kajian, Bab 2 memerihalkan sorotan karya manakala, Bab 3 pula berkaitan dengan tahap-tahap dan kaedah kajian. Ciri-ciri kawasan kajian dan unit analisis dijelaskan dalam Bab 4, seterusnya Bab 5 membentangkan analisis data dan penemuan kajian dan bahagian terakhir iaitu Bab 6 pula merumuskan penemuan utama kajian serta implikasinya.

(a) Pendahuluan (BAB 1)

Ia merupakan bahagian pengenalan kepada tajuk kajian dan ianya menjelaskan latar belakang persoalan yang dikaji. Kepentingan dan objektif kajian juga turut dinyatakan dengan terperinci dalam bab ini. Skop dan batasan kajian diterangkan secara ringkas untuk memberi gambaran mengenai ruang lingkup kajian serta aspek-aspek yang dikaji. Akhir sekali dalam bab ini dihuraikan reka bentuk kajian dari awal hingga akhir kajian.

(b) Sorotan Karya (BAB 2): Wilayah-Bandar, Ideopolis dan Model *Triple Helix*

Kajian ini lebih tertumpu kepada karya-karya yang membincangkan mengenai beberapa konsep yang berkaitan dengan wilayah-bandar, ideopolis dan *triple helix* serta kajian-kajian lepas yang berkenaan dengan tajuk kajian. Konsep dan definisi PBT turut dikupas dan dijelaskan dengan lebih terperinci. Hal ini dapat membantu dalam mengukuhkan lagi hujah yang dikemukakan dalam bab seterusnya. Beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk dan skop kajian ini juga dibincangkan sebagaimana objektif yang telah ditetapkan.

(c) Tahap-Tahap dan Kaedah Kajian (BAB 3)

Menerangkan dengan terperinci mengenai kaedah pengumpulan maklumat dan data sama ada primer atau sekunder. Bab ini juga memperincikan mengenai skop kajian, strategi kajian, pensampelan, responden kajian, kajian rintis dan kaedah menganalisis data.

(d) Kawasan Kajian dan Unit Untuk Analisis Wilayah-Bandar Kuala Lumpur Dan PBT (BAB 4)

Bahagian ini membincangkan latar belakang sejarah awal Kuala Lumpur sehingga kemunculan wilayah-bandar Kuala Lumpur, profil Kerajaan Tempatan, fungsi dan peranan PBT secara keseluruhan serta kedudukan PBT dan IPT di wilayah-bandar tersebut.

(e) Analisis Data dan Penemuan Kajian (BAB 5)

Dalam bab ini segala maklumat yang telah diperoleh sama ada data primer atau sekunder melalui pemerhatian, temubual bersemuka dan soalan temubual dikupas dan dianalisis. Analisis yang dijalankan bertujuan memberikan gambaran

sebenarnya sejauhmana peranan PBT, IPT dan industri dalam membentuk ideopolis di wilayah-bandar Kuala Lumpur. Bab ini juga membincangkan hasil analisis data yang merupakan penemuan dari kajian ini.

(f) Rumusan Penemuan Utama Kajian dan Melihat Ke Hadapan (BAB 6)

Dalam bab ini hasil penemuan dengan realiti sebenar di kawasan kajian akan dihuraikan. Paling penting, apakah implikasi penemuan kepada usaha untuk merealisasikan konsep ideopolis Kuala Lumpur. Perlukah skop peranan dan tanggungjawab PBT dilihat semula agar mereka boleh berperanan secara aktif dan agresif dalam sinergi tiga pihak PBT-IPT-industri dalam merintis jalan untuk mengemukakan cadangan dan membantu memperbaiki keadaan sedia ada. Dihuraikan juga beberapa cadangan tambahan untuk dikemukakan dengan tujuan memperkembangkan lagi kajian ini pada masa akan datang.

1.6 Kesimpulan

Bahagian ini telah menjelaskan konteks dan tujuan utama kajian ini dijalankan. Ia bertindak sebagai titik permulaan sebelum penulisan sepenuhnya dilaksanakan. Ideopolis adalah satu konsep baru dalam pembangunan bandar raya dan potensi aplikasinya berdasarkan pengalaman bandar raya di negara maju adalah menarik sekali. Lebih-lebih lagi Kuala Lumpur telah dikenal pasti sebagai sumber penting pertumbuhan negara dalam senario pembangunan dan pertumbuhan berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Model Baru Ekonomi. Dalam konteks RMKe-10 dan Model Ekonomi Baru ini, kajian yang telah dijalankan ini tepat pada masanya.

BAB 2

SOROTAN KARYA: Wilayah-Bandar, Ideopolis dan Model *Triple Helix*

2.1 Pengenalan

Pengetahuan tentang latar belakang kajian di dalam bidang yang sama akan dapat membantu dalam merangka strategi dan desain penyelidikan yang lebih berkesan. Di samping itu, sorotan tentang kajian yang berkaitan atau lepas akan dapat menentukan sama ada kajian seperti ini telah atau pernah dijalankan ataupun tidak, berjaya dengan memuaskan ataupun tidak. Tulisan-tulisan atau karya-karya yang tertentu akan membantu mengenalpasti tahap pengetahuan yang sedia ada tentang persoalan yang hendak dikaji. Selain itu, keputusan kajian-kajian yang lepas dapat digunakan sebagai titik permulaan kajian yang hendak dijalankan serta dapat membantu penyelidik membina model atau pendekatan-pendekatan tertentu. Dengan pembacaan awal terhadap karya-karya yang lepas ini, latar belakang masalah dapat difahami terlebih dahulu (Azhar Harun dan Nawi Abdullah, 2004: 19-20).

Bahagian ini juga akan membincangkan mengenai kajian yang lepas atau berkaitan, sama ada yang dijalankan di Malaysia mahupun luar negara, yang mana berkaitan dengan peranan PBT dalam kemunculan ideopolis. Selain itu, kajian ini turut melihat peranan serta kesalingberkaitan di antara IPT dan industri dalam menentukan kemunculan ideopolis di wilayah-bandar Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, bahagian ini akan menerangkan definisi dan latar belakang kajian lepas mengenai wilayah-bandar, ideopolis dan model *triple helix* bagi memastikan

fenomena ideopolis ini boleh diangkat sebagai kerangka konsep untuk wilayah-bandar Kuala Lumpur kelak.

2.2 Wilayah-Bandar: Peringkat Nasional dan Global

Fenomena wilayah-bandar telah muncul sejak tahun 1950 melalui konseptualisasi pakar perancang bandar, ahli ekonomi dan geografi. Wilayah-bandar bukan hanya meliputi kawasan untuk pentadbiran ataupun konurbasi sahaja, malah turut melibatkan kawasan pedalaman yang berpotensi untuk berkembang dengan luas. Merujuk kepada definisi wilayah-bandar yang dikemukakan dalam penulisan *City Region and Beyond*, wilayah-bandar adalah jejaktempa (*footprint*) ekonomi sesebuah bandar raya yang ditentukan gaya hidup dan hubungkait ekonomi di antara bandar raya ini dengan kawasan pengaruhnya (bandar kecil, bandar dan kawasan desa) yang dimanifestasikan pasaran ekonomi fungsional seperti jaringan pergerakan pekerjaan, riadah dan lain-lain. Wilayah-bandar adalah satu elemen yang penting dalam sesebuah negara. Ia bukan hanya berfungsi untuk pasaran ekonomi sahaja tetapi, membolehkan penduduk menjalani kehidupan mereka dengan sempurna. Keunggulan perhubungan dan kehidupan serta produktiviti yang tinggi merupakan kunci untuk membentuk wilayah-bandar yang berjaya (Thorpe, 2006: 8-15).

Pada masa yang sama, Michael Parkinson telah mengenalpasti daya saing wilayah-bandar bagi menentukan taksiran ekonomi wilayah-bandar yang strategik dari sudut kekuatan, kelemahan, peluang-peluang serta ancaman yang berlaku di sesebuah wilayah-bandar. Daya saing wilayah-bandar, adalah bergantung kepada beberapa faktor iaitu:

1. Kebolehan membuat keputusan yang strategik seperti menentukan ruang atau kapasiti.
2. Sistem perhubungan bertaraf kelas pertama di peringkat antarabangsa dan tempatan.
3. Kewujudan teras pusat bandar bersama dengan perniagaan bertaraf tinggi, perkhidmatan riadah dan pelbagai pusat yang berkembang maju.
4. Kemudahan utama di peringkat tempatan dan antarabangsa.
5. Inovasi yang dilaksanakan oleh satu atau lebih universiti penyelidikan yang bertaraf dunia.
6. Inovasi yang mengadaptasikan penggunaan *triple helix* yang efektif bagi menggambarkan kolaborasi di antara sektor swasta, awam dan universiti.
7. Kepelbagaian ekonomi.
8. Kepakaran tenaga kerja termasuk para siswazah dan kepakaran pada tahap sederhana.
9. Kualiti kehidupan seperti kawasan tempat tinggal yang berkualiti tinggi dan komuniti yang seimbang.
10. Kualiti kehidupan dari sudut budaya yang bertaraf dunia, perkhidmatan rekreasi dan infrastruktur yang sempurna.

Konsep atau idea wilayah-bandar diperkenalkan pertengahan 90-an untuk mengkonseptualisasikan pertumbuhan ekonomi bandar berasaskan inovasi. Konseptualisasi ini mengandaikan inovasi perangsang kepada penciptaan, penyebaran dan penggunaan pengetahuan. Merujuk kepada karya tentang wilayah-bandar pengetahuan, ciri yang ketara bagi wilayah-bandar ini adalah elemen idea, pengetahuan dan institusi yang berada di sekitar wilayah-bandar tersebut. Wilayah-bandar dianggap sebagai satu unit ruangan yang penting dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Ia mempunyai keupayaan kompetitif dalam konteks kapasiti wilayah berkenaan untuk terus menerokai alam keilmuan dan pengetahuan untuk pembangunan. Pihak berkuasa dalam wilayah ini sentiasa menyokong institusi yang menyumbang kepada aktiviti pembelajaran, penyelidikan dan pengkomersialan. Walau bagaimanapun, kejayaan wilayah-bandar sama ada dari sudut ekonomi, budaya dan sosial adalah bergantung kepada kekuatan perhubungannya dengan

bandar, bandar raya berdekatan serta kawasan luar bandar yang menjadi kawasan tadahannya (<http://www.cityregion.org/.org/CRmainsite/what-is-a-city-region.html>).

Kajian yang dijalankan di Britain dalam penulisan *The Rise of Knowledge Regions: Emerging Opportunities and Challenges for Universities* telah memerihalkan bahawa wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan ataupun “Ideopolis” mempunyai cabaran dan peluang yang tersendiri. Dalam kajian ini, wilayah-bandar didefinisikan sebagai sebuah kawasan yang luas, yang mana bermula daripada kawasan teras bandar untuk penduduk bekerja serta menyediakan perkhidmatan seperti membeli-belah, pendidikan, kesihatan, rekreasi dan hiburan. Di wilayah-bandar terdapat kawasan bandar dan luar bandar yang mempunyai dua kali ganda intensif pengetahuan, tambahan pula ia telah bersedia menjadi kawasan aglomerasi ekonomi yang memberikan pelbagai kelebihan. Ini membuka peluang untuk ahli politik ekonomi serta ahli geografi ekonomi menjalankan penyelidikan terhadap kesan aglomerasi tersebut dan implikasinya kepada dasar pembangunan bandar.

Berdasarkan penulisan *The Rise of Knowledge Regions: Emerging Opportunities and Challenges for Universities*, ia telah memilih empat wilayah yang ditakrifkan sebagai wilayah-bandar iaitu Barcelona, Brno, Manchester dan Øresund yang mana mempunyai kelebihan daya saing yang tersendiri, iaitu dalam konteks P&P, peluang perniagaan, sumber manusia dan kemahiran asas, permintaan yang tinggi serta memperolehi kemudahan yang sempurna di wilayah-bandar tersebut. Di setiap wilayah yang dinyatakan seperti di atas, terdapat sebuah majlis perbandaran atau unit politik/pentadbiran yang berperanan dalam memandu dan menggerakkan

pembangunan wilayah-bandar. Di Manchester, terdapat unit politik yang mantap iaitu *North West Region* yang mana diawasi oleh *North West Regional Development Agency*. Di Brno, unit wilayah yang relevan untuk tujuan pentadbiran wilayah-bandar adalah South Moravia dan di Øresund pula, unit wilayah pentadbiran telah disusun semula oleh kerajaan Denmark untuk tujuan yang sama. Di Barcelona, iaitu ibu negeri untuk wilayah Catalunya, pihak berkuasa wilayah telah memperkenalkan pelbagai insentif penting, inisiatif yang strategik serta merupakan penyokong utama terhadap pengiktirafan ekonomi dan kepentingan sosial di wilayah-bandar untuk masa depan wilayah tersebut. Seperti yang digambarkan, jelaslah bahawa isu-isu utama yang melibatkan dasar berkaitan serta pertimbangan oleh peranan pihak berkuasa tempatan atau unit pentadbiran yang serupa serta kolaborasi dengan IPT di empat wilayah-bandar ini (Reichert, 2006: 10).

Antara contoh wilayah-bandar lain yang dinamik adalah Monterrey, Mexico. Ia merupakan wilayah-bandar yang paling maju serta berperanan sebagai pengasas utama aktiviti perindustrian di Mexico dan aktiviti perniagaan yang dijalankan di bandar tersebut adalah yang terbaik di Amerika Latin. Wilayah-bandar Monterrey memiliki keistimewaan yang tersendiri, yang mana kedudukannya yang strategik memudahkannya untuk memperolehi capaian perhubungan dalam pasaran Amerika Utara. Namun demikian, pada awal abad ke-21, telah berlaku perkembangan dalam bidang pendidikan yang mendapat sokongan penuh daripada sektor swasta dan sektor kerajaan, yang mana inovasi dan pembelajaran diberikan keutamaan. Hal ini dapat dibuktikan dengan lapan elemen yang menggambarkan bahawa pendidikan merupakan indikator penting di wilayah-bandar tersebut iaitu:

- (1) 52% peruntukan belanjawan fiskal untuk pendidikan.
- (2) Sektor swasta bekerjasama dalam membentuk pendidikan asas dan pendidikan menengah.
- (3) Pendidikan asas dan pendidikan menengah mempunyai kualiti adalah yang terbaik di wilayah-bandar ini.
- (4) Terdapat 231 sekolah yang berteraskan teknikal.
- (5) Dua Universiti Teknikal.
- (6) Wujud lebih daripada 30 institusi pengajian yang bertaraf universiti.
- (7) Mempunyai satu-satunya peneraju universiti maya (pendidikan jarak jauh) yang saling berhubung dengan institusi serupa di peringkat dunia.
- (8) Kerjasama di antara pihak kerajaan, tempatan dan industri luar negara dengan *Academia* bagi tujuan pembentukan modal insan dan keupayaan dalam bidang teknologi tinggi dan penyelidikan saintifik.

Berdasarkan keunggulan institusi pendidikan di wilayah-bandar ini maka, Monterrey telah dianggap sebagai wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan. PBT, pihak swasta dan akademik turut melibatkan diri dalam program pembangunan Monterrey sebagai wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan. Monterrey juga telah melaksanakan pelan strategik untuk merealisasikan wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan seperti berikut:

- (1) Persediaan untuk pelajar generasi baru yang pakar dalam sains dan teknologi.
- (2) Menarik lebih banyak pelaburan asing langsung yang berkecenderungan untuk penawaran dan pembangunan ICT.
- (3) Menghasilkan lebih banyak pengeluar perisian.
- (4) Meningkatkan dana untuk makmal penyelidikan dan pembangunan terutamanya bidang bioteknologi dan sains.
- (5) Menghantar penyelidik tempatan untuk menimba pengalaman di luar negara.
- (6) Menggandakan inkubator-inkubator perniagaan.
- (7) Mewujudkan taman penyelidikan dan pembangunan.
- (8) Para akademik sentiasa melibatkan diri dengan sektor swasta dan sektor awam untuk menguruskan semua program yang berkaitan dengan visi wilayah-bandar yang berasaskan pengetahuan.

Pelan strategik ini mampu mendorong pertumbuhan proses inovasi di Monterrey seterusnya membolehkan ia mencapai matlamatnya dalam ekonomi yang

berasaskan pengetahuan serta membentuk dan mengagihkan kekayaan di wilayah-bandar tersebut (Zambrano, 2005: 27).

Bagi memahami sepenuhnya ideapolis ini, kajian *Governing Global City-Region in China and the West* telah menyimpulkan definisi wilayah-bandar melalui perbezaan yang dapat dilihat di antara bandar dan wilayah-bandar di Toronto, New York, London, Tokyo, Hong Kong dan Shanghai. Justeru itu, kita boleh melihat dan menilai sejauhmana perbandingan yang dapat dibuat di antara pentadbiran wilayah-bandar di China dan di Barat. Kawasan kajian kes yang terpilih adalah seperti Tokyo, Hong Kong, Shanghai, Toronto, New York dan London yang bertujuan untuk membolehkan “tumpuan kepada perbandingan” mengenai prestasi unit pentadbiran serta faedahnya. Tokyo dipilih untuk mewakili sebuah bandaraya maju di Timur Jauh untuk dibandingkan dengan China. Tokyo dianggap sebagai bandar raya bukan sahaja maju malah bertaraf global yang menjadi produk dari sebuah proses 'negara yang berpusat pada birokrasi politik', yang mana bukan melibatkan proses 'pasar-berpusat' seperti Hong Kong dan Shanghai (Vogel et al., 2009: 6-7).

Merujuk Jadual 2.1 meringkaskan ciri-ciri wilayah bandar yang diteliti seperti skala penduduk, kepadatan dan kawasan yang diliputi. Kawasan kajian ini merupakan bandar raya global yang ditadbirkan kerajaan bandar metropolitan. Dalam kes Shanghai, terdapat kerajaan wilayah yang mentadbir kawasan wilayah-bandar serta berfungsi untuk perbandaran dan wilayah tempatan. Di Kanada, berlaku penggabungan di antara Toronto dengan Toronto Metro bagi tujuan pentadbiran kawasan, dan di UK pula pembangunan semula *Greater London Authority* memperlihatkan tindih tindaan kawasan pentadbiran tempatan. Selain itu terdapat juga

Jadual 2.1: Skala Bandar dan Wilayah-Bandar.

	Ciri-ciri	Toronto	New York	London	Tokyo	Hong Kong	Shanghai
Bandar	Populasi	2,503,281	8,363,710	7,600,000	12,790,000	6,977,700	18,150,000
	Luas Tanah (sq km)	630	785	1,572	2,187	1,104	6,340
	Kepadatan (sq km)	3,972	10,657	4,800	5,847	6,460	2,863
	Kerajaan	- Bandar Toronto - Dua lapisan kerajaan: metropolitan telah digantikan dengan penggabungan bandar di Toronto pada tahun 1998	- Bandar New York - Lima sub-bahagian bandar yang disatukan sebagai New York pada tahun 1898	- Greater London Authority - Pada tahun 2000, peringkat atas yang merangkumi 32 bandar-bandar kecil dan Corporation of London telah dikembalikan	- Tokyo Metropolitan Government - Dua lapisan kerajaan: metropolitan dengan 23 perbandaran di pusat Tokyo serta bandar dan kampung yang terletak di barat Tokyo	- Hong Kong Special Administrative Region - Ditubuhkan pada 1998 di bawah satu negara dan mengadaptasikan dua sistem.	- Perbandaran Shanghai -Perbandaran dengan status wilayah
Wilayah-bandar	Populasi	5,113,149	18,815,988	21,000,000	31,714,000	48,000,000	18,150,000
	Luas Tanah (sq km)	5,904	12,615	39,751	7,627	42,824	6,340
	Kepadatan (sq km)	866	1,492	528	4,158	1,121	2,863
	Pentadbiran	Wilayah Ontario merupakan koordinat bagi Greater Toronto Area (GTA)	2,000 kerajaan tempatan di NY-NJ-CT <i>Urbanized Area</i> menjalankan sistem pentadbiran pluralisme yang enggan mengiktiraf kepentingan NYC's sebagai bandar global	Pusat Kerajaan merupakan koordinat untuk Greater South-East	Tokyo Metropolitan Government meyakinkan Kerajaan Pusat agar menyokong pelan wilayah sedia ada dan memperoleh sokongan <i>prefectures</i>	Greater Pearl River Delta dengan penyelarasan melintang di antara Hong Kong dan wilayah Guandong dan penyelarasan menegak dengan Beijing	Majlis Perbandaran Shanghai beroperasi dengan status wilayah

(Sumber: Vogel et al., 2009: 8)

transformasi di kawasan pentadbiran seperti yang berlaku di Tokyo di mana majlis perbandaran Tokyo memperoleh kebebasan daripada *Tokyo Metropolitan Government*.

Selain itu, jika diperhatikan wilayah-bandar di China dan di Barat, terdapat kecenderungan untuk mengupas kemunculan wilayah-bandar global yang dianggap sebagai “ruangan negara baru” dalam pemerintahan dan perekonomian global. Meskipun begitu, Jonas dan Ward (2007) berpendapat, wilayah-bandar mempamerkan tanda-tanda polisi serantau, tetapi kebanyakan keputusan polisi-polisi tersebut dilaksanakan oleh agensi-agensi daerah atau peringkat daerah yang lebih tinggi ataupun kerajaan pusat. Pemindahan kuasa dan pentadbiran daripada pusat ke peringkat wilayah atau setempat adalah untuk memenuhi keperluan urus tadbir yang lebih cekap, iaitu suatu tuntutan urus tadbir kawasan metropolis dalam era global dan perantarabangsaan kini.

Kini terdapat lebih daripada 300 wilayah-bandar di seluruh dunia dengan jumlah populasi setiap satu melebihi 1 juta. Terdapat juga sekurang-kurangnya dua puluh buah wilayah-bandar yang mempunyai capaian 10 juta populasi. Berdasarkan konsep wilayah-bandar yang diperkenalkan di USA melalui artikel *Global City-Region: An Overview*, yang digarap oleh Scott, Agnew, Soja, dan Storper, kemudiannya telah diaplikasikan di pelbagai negara yang ingin merancang pembangunan berdasarkan kawasan bandar secara sistematik jelas bahawa konsep ini melibatkan kawasan bandar-bandar berhampiran tetapi berperanan di peringkat global.

Konseptualisasi wilayah-bandar global yang telah dikembangkan Sassen (1991, 1994), boleh dibezakan dengan wilayah-bandar lain berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Sebagai pusat kawalan yang terunggul organisasi ekonomi dunia.
- (ii) Sebagai lokasi utama bagi firma kewangan dan perkhidmatan termaju seperti perakaunan, pengiklanan, insurans perundangan, perundingan pengurusan dan hartanah (menggantikan pembuatan sebagai sektor utama).
- (iii) Sebagai tapak pengeluaran, termasuk penghasilan inovasi dalam industri utama.
- (iv) Sebagai pasaran bagi produk dan inovasi yang dihasilkan.

Perubahan fungsi bandar raya seperti di atas telah menghasilkan transformasi yang begitu ketara dalam aktiviti ekonomi antarabangsa dan bentuk bandar raya terbabit. Oleh yang demikian, muncul kategori bandar raya global pada ketika ini yang terdiri daripada tiga bandar utama iaitu London, New York dan Tokyo (Morshidi Sirat, 2002: 9).

2.3 Aset dan Dinamik Ideopolis

Rajah 2.1 meringkaskan lapan elemen pembentukan ideopolis. Kekuatan ideopolis terletak kepada penggabungan lapan elemen tersebut serta interaksinya yang sentiasa dikemaskini bagi menggambarkan kemampuan dan kecekapan dan juga keluaran barangan dan perkhidmatan yang lebih luas di pasaran global. Dalam kerangka penjelasan ini “pengetahuan” merupakan asas utama bagi pembentukan ideopolis sama ada, pengetahuan yang dimiliki secara individu, di firma ataupun pengetahuan yang disalurkan melalui rangkaian. Selain itu, ia juga berperanan dalam menentukan daya saing sesebuah bandar pada masa hadapan dan ia menjadi perkara